

Prestasi Bursa Malaysia mantap

BH- 2/6/2007

Kejatuhan saham di China tak jejas pertumbuhan ekonomi negara: Nor Mohamed

Oleh Zainab Mohd Yatim

BURSA Malaysia mencatat prestasi baik berdasarkan kepada faktor asas yang positif dan tidak akan terjejas oleh aliran menurun harga saham di China ketika ini, kata Menteri Kewangan Kedua Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Beliau menegaskan, tiada pertalian langsung antara pasaran saham China dan pasaran saham Malaysia.

"Pasaran saham Malaysia sudah mencapai prestasi amat baik berasaskan kepada faktor asas dengan pertumbuhan ekonomi menuju sasaran yang baik," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan upacara pecah tanah bagi pembinaan kampus kedua Institut Penilaian Negara, di Bangi, semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan sama ada kejatuhan pasaran saham China baru-baru ini akan memberikan kesan kepada Bursa Malaysia.

Nor Mohamed menjelaskan, eko-

nomi Malaysia berkembang sekitar 6.1 peratus dalam tempoh tiga tahun lalu.

"Menuju ke hadapan kita agak yakin mencatatkan pertumbuhan enam peratus walaupun KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar) suku pertama (tahun ini) adalah 5.3 peratus," katanya, sambil menambah separuh kedua tahun ini seharusnya lebih baik.

Nor Mohamed berkata, pertumbuhan pendapatan berada pada sekitar 20 peratus yang disifatkannya sebagai agak baik bagi pasaran saham.

"Nisbah pendapatan harga sekitar 17 hingga 18 peratus manakala inflasi dikawal dengan amat baik antara 2.0 dan 2.5 peratus," katanya.

Nor Mohamed berkata, satu lagi penyumbang ialah kewangan kerajaan yang telah diurus dengan baik, membolehkannya memberi kakitangan awam peringkat rendah kenaikan gaji yang besar.

"Ia akan memberikan kesan yang amat positif ke atas pertumbuhan kita yang didorong penggunaan," ka-

tanya, sambil menambah untuk beberapa ketika, pertumbuhan Malaysia diterajui eksport.

"Dalam tempoh beberapa bulan akan datang, kita akan melihat kesan daripada kenaikan pendapatan kakitangan kerajaan yang menyediakan dorongan besar kepada ekonomi," katanya.

“Menuju ke hadapan kita agak yakin mencatatkan pertumbuhan enam peratus walaupun Keluaran Dalam Negara Kasar suku pertama tahun ini adalah 5.3 peratus”

Nor Mohamed Yakcop
Menteri Kewangan Kedua

Nor Mohamed berkata, masih ada ruang untuk pertumbuhan di Bursa Malaysia berdasarkan kepada beberapa faktor.

Beliau memberi contoh penyusunan semula syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang berjalan lancar.

"Misalnya, nilai permodalan pasaran 20 saham GLC terbesar su-

dah meningkat kepada RM106 bilion.

"Itulah nilai berpotensi yang diwujudkan berasaskan kepada langkah yang diambil bukan sahaja oleh GLC tetapi juga syarikat lain," katanya.

Mengenai pegangan asing dalam pasaran Malaysia, termasuk bon dan saham, Nor Mohamed berkata kebanyakan mereka melabur untuk jangka panjang kerana berasaskan negara ini mempunyai potensi ekonomi yang baik.

Sementara itu, ketika berucap, Nor Mohamed berkata pasaran hartanah negara kini semakin rancak berikutan prestasi ekonomi negara yang bertambah kukuh.

Beliau berkata, aktiviti pindah milik hartanah semakin rancak dengan bilangan pindah milik naik ketara pada suku pertama tahun ini, memecah hampir 65,000 unit bernilai RM15 bilion.

Peningkatan itu, katanya dicatat oleh hampir semua sub-sektor hartanah, termasuk hartanah kediaman dan perniagaan.

